



TEKS UCAPAN NAIN CANSOLOR
[Majlis Penutupan Kempen Budi Bahasa Budaya Kita 17 Feb
2006 (Jumaat) 2.30ptg Perpustakaan UMS]

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Majlis Penutupan Kempen Budi Bahasa Budaya Kita
17 Februari 2006 (Jumaat), 2.30 petang
Perpustakaan UMS Kota Kinabalu**

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berusaha Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon (TNC Penyelidikan & Inovasi)

Yang Berusaha Prof. Dr. Hj. Sanudin Hj. Tahir (TNC Akademik & Pengantarabangsaan)

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Amran Ahmed (TNC HEP & Alumni)

Yang Berusaha Encik Hela Ladin Bin Mohd. Dahalan (Pendaftar)

Yang Berusaha Tuan Haji Rizal Othman (Bendahari)

Yang Berusaha Puan Che Salmah Mehamood, Ketua Pustakawan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kempen Budi Bahasa Budaya Kita, dan

Yang dihormati

Dekan-dekan dan Ketua Jabatan, para pensyarah dan juga para pelajar UMS,

Ketua-ketua Jabatan Kerajaan dan Agensi-agensi luar,

para jemputan,

tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Perpustakaan kerana telah berjaya mengadakan Kempen Budi Bahasa Budaya Kita di UMS Kampus Induk di Kota Kinabalu dan juga di UMS Kampus Antarabangsa Labuan. Kempen ini telah dimulakan oleh pihak perpustakaan sejak 15 November 2005. Secara umumnya kempen ini bertujuan untuk menyeru seluruh warga kampus khususnya kakitangan dan pengguna perpustakaan untuk mengamalkan sifat budi bahasa dan nilai-nilai murni di kalangan mereka. Kesungguhan pihak perpustakaan merancang dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti berkaitan sehinggalah kepada majlis penutupan pada hari ini adalah merupakan satu usaha murni yang seharusnya dipuji.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebagaimana kita sedia maklum, pihak kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia telah melancarkan Kempen Budi Bahasa Budaya Kita pada 11 Januari 2005 yang lalu, dengan disempurnakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Ia adalah satu usaha kebangsaan bagi mengamalkan budi bahasa dan nilai-nilai murni di kalangan masyarakat Malaysia. Perpustakaan telah mengambil langkah pertama dan mengadakan kempen yang sama sebagai menyahut seruan ini .

Tujuan pihak kerajaan mengadakan kempen ini adalah setelah menyedari bahawa amalan budi bahasa dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang dipelihara sejak turun temurun kini semakin hari semakin dilupakan, semakin ditinggalkan dan semakin hilang oleh keghairahan berlumba-lumba mengejar kemajuan dunia serta cara hidup moden yang semakin mencabar. Sekarang ini kita dapati ramai masyarakat kita kurang menghormati ibubapa mereka, guru-guru mereka, orang-orang tua, jiran tetangga dan juga pemimpin mereka; bersikap kasar, biadab dan tidak beradab; tidak suka bertegur sapa; tidak berterima kasih; kurang bertolak ansur; dan suka mementingkan diri sendiri. Atas sebab-sebab inilah maka pihak kerajaan berharap melalui kempen ini ianya akan menghidupkan semula amalan budi bahasa dan nilai-nilai murni supaya ianya dapat ditanam, dihayati serta diamalkan oleh semua lapisan masyarakat di negara ini tanpa mengira kaum dan status masing-masing; sama ada di rumah, di sekolah mahupun institusi pengajian tinggi, di kampung, di bandar mahupun di pejabat. Untuk mencapai hasrat murni ini, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing. Ini termasuklah ibubapa, keluarga, jiran tetangga, para guru dan pendidik, para majikan, para pentadbir, individu mahupun institusi dan masyarakat seluruhnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dalam konteks kehidupan masyarakat di kampus, amalan budi bahasa dan nilai-nilai murni adalah amat penting bagi menjamin suasana yang aman, selesa, harmoni dan sejahtera. Sama ada pelajar mahupun kakitangan tanpa mengira status, kaum, agama, budaya dan latarbelakang, semuanya perlu berbudi bahasa, bersopan santun dan bertatasusila di antara satu sama lain dalam apa jua urusan, interaksi serta kegiatan seharian mereka. Para pelajar dan para pensyarah misalnya mestilah saling hormat-menghormati dan tegur menegur antara satu sama lain dalam konteks perhubungan antara pelajar dengan pensyarah. Begitu juga kakitangan perpustakaan sebagai pemberi perkhidmatan perlu memberikan khidmat layanan mesra dan adil kepada semua pengguna perpustakaan. Sebaliknya pengguna perpustakaan pula hendaklah berkelakuan baik dan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan. Sikap saling membantu juga perlu dipupuk dan ditingkatkan amalannya di kalangan pelajar, kakitangan dan antara pelajar dan kakitangan. Budaya dan amalan murni ini tidak seharusnya terbatas di dalam kampus sahaja tetapi juga perlu dibawa ke luar kampus, kepada masyarakat luar dan bahkan

kepada negara luar dalam menonjolkan imej sebenar bangsa kita yang kaya dengan warisan adat resam dan budi bahasa . Ianya adalah sebahagian daripada Nilai Kesopanan dan Kesusilaan yang telah sekian lama terkandung di dalam prinsip Rukun Negara kita yang seharusnya didokong dan menjadi asas pegangan kita semua.

Umum mengetahui dan menyedari bahawa bagi mencapai kemajuan dan pembangunan dalam erti kata yang sebenarnya maka negara amat mengharap dan memerlukan warganya yang bukan sahaja menguasai ilmu pengetahuan yang luas dan berkemahiran tinggi , tetapi juga mempunyai ciri-ciri akhlak dan budi pekerti yang baik serta mulia yang menjadi teras amalan dalam kehidupan dan pergaulan seharian. Oleh itu saya menyeru kepada semua warga kampus agar kita dapat memiliki kesemuanya ini untuk menjadi seorang warganegara Malaysia yang mempunyai sifat jati diri yang tinggi, bersifat patriotik dan cintakan negara, dan benar-benar bertanggungjawab serta berkebolehan dalam membantu negara mencapai kemajuan seperti yang dicita-citakan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya merasakan usaha murni pihak perpustakaan dalam menggerak dan melaksanakan kempen Budi Bahasa Budaya Kita ini sewajarnya dicontohi dan diikuti oleh jabatan-jabatan lain di UMS. Ini kerana ia dapat menyedarkan kita yang semakin lupa akan nilai-nilai kesopanan di mana nilai-nilai tersebut perlu ada dalam diri dan kehidupan setiap individu ke arah melahirkan sebuah tamadun masyarakat bangsa Malaysia yang bersatupadu dan berperibadi mulia. Budaya warisan ini hendaklah menjadi sebahagian daripada amalan hidup kita dan tidak harus dilemahkan oleh cara hidup moden.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya maka izinkan saya membacakan beberapa rangkap pantun Melayu yang biasa kita dengar mengenai budi bahasa ini sebagai renungan dan pedoman untuk kita fikirkan bersama.

*Yang kurik itu kendi,
Yang merah itu saga,
Yang molek itu budi,
Yang indah itu bahasa.*

*Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga,
Hancur badan dikandung tanah,
Budi yang baik dikenang juga.*

*Tegak rumah kerana sendi,
Runtuh sendi rumah binasa,
Sendi bangsa ialah budi,
Runtuh budi, runtuhlah bangsa.*

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim maka saya dengan rasa sukacitanya merasmikan Majlis Penutupan Kempen Budi Bahasa Budaya Kita ini.

Sekian, Terima Kasih.

Wassalam.

Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin
Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah